

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]**

TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)

SOALAN :

TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Peguam Negara tidak mendakwa guru Muhammad Rizuan Suhaimi setelah melakukan serangan dan tumbukan ke atas Timbalan Menteri Pendidikan, YB Tuan P. Kalamanathan.

JAWAPAN: YB HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kes ini masih dalam siasatan polis di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan keputusan sama ada untuk membuat pertuduhan atau tidak hanya akan dibuat setelah kertas siasatan yang lengkap dikemukakan kepada Pendakwa Raya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 26 MAC 2014

RUJUKAN : 6564

SOALAN:

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan siasatan pihak Polis DiRaja Malaysia ke atas pemasangan kain rentang mengenai penggunaan kalimah Allah serta serangan bom "*molotov cocktail*" dibeberapa gereja di Pulau Pinang dan langkah yang diambil bagi mengekang kejadian seperti ini daripada berulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan telah dibuat berhubung dengan kejadian serangan molotov cocktail terhadap *The Church of the Assumption*, Lebuh Farquhar Pulau Pinang, laporan polis telah dibuat berkait Central Report 854/2014, disiasat di bawah Seksyen 436 dan Seksyen 511 Kanun Keseksaan. Kejadian berlaku pada jam 1.30 pagi semasa pengadu seorang pengawal keselamatan menyedari terdengar bunyi kaca pecah dan berlaku nyalaan api di pintu gereja. Siasatan telah dibuat oleh pihak forensik mendapati ianya merupakan sejenis molotov cocktail. Tidak ada saksi dan CCTV yang berdekatan bagi membantu siasatan. Setakat ini tiada tangkapan dan petunjuk bagi membantu siasatan. Kertas Siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 27 Februari 2014.

Terdapat tiga Kertas Siasatan telah dibuka berhubung dengan pemasangan kain rentang mengenai penggunaan kalimah Allah di tiga buah gereja. Ketiga-tiga kes berkenaan merupakan kes yang sama dan kain rentang yang sama iaitu bertulis “ALLAH IS GREAT. JESUS IS THE SON OF ALLAH” dan berlatarbelakangkan wajah Jesus dan Salib. Siasatan telah dijalankan di tempat kejadian mendapati tiada saksi dan juga petunjuk yang diperolehi memandangkan kejadian di awal pagi dan tidak ada rakaman CCTV yang dapat membantu siasatan. Kertas Siasatan telah lengkap dan

akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk nasihat dan pandangan selanjutnya.

Pihak polis sentiasa membuat rondaan dan juga menjaga keselamatan semua tempat termasuk tempat-tempat ibadat. Kerajaan memandang serius dengan kejadian ini bagi mengelakkan perkara buruk berlaku.